



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN YURAN  
PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL  
(PINDAAN 2020)**

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
1.1 PENDAHULUAN	3
1.2 DEFINISI	3
1.3 TUJUAN	3
1.4 SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN	3
1.5 PEMBIAYAAN	4
1.6 PROSEDUR PERMOHONAN	5
1.6.1 PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL	5

# **GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL**

## **1.1 PENDAHULUAN**

Garis panduan Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel dalam Jurnal ini diwujudkan sebagai panduan kepada kakitangan akademik/penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mengemukakan permohonan peruntukan untuk menerbitkan artikel di dalam jurnal berindeks di pangkalan data Scopus/WOS/ERA.

## **1.2 DEFINISI**

Garis panduan ini akan menggunakan terminologi seperti berikut:

### **1.2.1 Afiliasi**

Bermaksud alamat institusi pemohon yang tertera pada bahan penerbitan.

### **1.2.2 Faktor Impak**

Bermaksud nisbah jumlah petikan yang diterima dengan bilangan makalah dalam sesebuah jurnal bagi 1 tahun ke belakang yang dilaporkan dalam *CiteScore* terbitan Elsevier.

### **1.2.3 Pengarang Penghubung (*Corresponding Author*)**

Bermaksud penulis yang bertanggungjawab dalam menyemak kualiti artikel yang akan diterbitkan dan akan menjadi penghubung kepada pembaca artikel.

## **1.3 TUJUAN**

Bantuan pembiayaan yuran penerbitan artikel dalam jurnal ini diwujudkan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- a. Untuk meningkatkan jumlah penerbitan artikel dalam jurnal penyelidikan.
- b. Untuk membudayakan amalan penerbitan.

## **1.4 SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN**

1.4.1 Merupakan kakitangan akademik UMS (bertaraf tetap dan kontrak sahaja) yang menjalankan penyelidikan di UMS semasa artikel tersebut diterbitkan.

- 1.4.2 Afiliasi pemohon wajib menggunakan alamat UMS.
- 1.4.3 Pemohon mestilah merupakan **Corresponding Author** atau **First Author** penerbitan artikel tersebut.
- 1.4.4 Bagi pemohon yang mempunyai geran penyelidikan yang masih aktif semasa penerbitan, digalakkan untuk menggunakan peruntukan geran.
- 1.4.5 Manuskrip yang diterbitkan telah diterima untuk penerbitan oleh penerbit jurnal.
- 1.4.6 Penerbitan berindeks dan berfaktor impak berdasarkan *CiteScore* tahun sebelumnya. Sebagai contoh untuk penerbitan jurnal pada tahun 2019, *CiteScore* 2018 akan dirujuk.
- 1.4.7 Untuk penerbitan jurnal tanpa faktor impak, ia mestilah terindeks dalam pangkalan data Scopus/WOS/ERA.
- 1.4.8 Kos seperti percetakan semula, yuran penyuntingan atau yuran terjemahan tidak akan dipertimbangkan.

## 1.5 PEMBIAYAAN

- 1.5.1 Kadar maksimum pembiayaan bayaran yuran penerbitan bagi setiap artikel adalah seperti berikut:

Jenis Penerbitan	<i>CiteScore</i> rank/ Kuartil/Terindeks	Kadar maksima (RM)
	Q1/Q2	10,000.00
	Q3/Q4	5,000.00
	Scopus/WOS/ERA (tanpa <i>citescore</i> /faktor impak)	1,000.00

- 1.5.2 Kelulusan kadar Maksima adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) atau Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) berdasarkan kepada kewangan yang diperuntukkan oleh pihak Pengurusan Universiti bagi tahun semasa.
- 1.5.3 Jumlah penerbitan adalah tidak terhad. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kelulusan Pengarah, PPPI dan baki peruntukan yang masih ada pada tahun berkenaan.

1.5.4 Pembayaran yang telah dibuat menggunakan geran atau mana-mana sumber bantuan lain tidak akan dilayan.

1.5.5 Setiap artikel layak diberi bantuan yuran penerbitan sekali sahaja.

## 1.6 PROSEDUR PERMOHONAN

### 1.6.1 PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL

1.6.1.1 Permohonan pembiayaan yuran penerbitan artikel dalam jurnal boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Permohonan Pembiayaan Penerbitan Artikel Dalam Jurnal (Borang UMS/PPI-DPJ1).

1.6.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dilampirkan dengan dokumen sokongan seperti berikut:

- a. Salinan surat atau e-mel penerimaan artikel untuk diterbitkan daripada penerbit jurnal;
- b. **Inbois** bayaran yuran penerbitan dari penerbit jurnal (untuk permohonan bayaran terus kepada penerbit) atau **resit** pembayaran (untuk permohonan tuntutan yuran yang telah dibayar).
- c. Bukti jurnal berindeks Scopus(berserta *CiteScore* dan *rank*)/WOS (berserta kuartil dan faktor impak)/ERA.
- d. Satu salinan muka depan manuskrip jurnal.

1.6.1.3 Permohonan yang lengkap hendaklah disokong dan diperakukan oleh Pengarah/Dekan/Ketua di Fakulti/Institut/Unit sebelum dimajukan kepada pihak PPPI untuk kelulusan.

Garis Panduan ini diluluskan oleh PBPB pada Mesyuarat  
PBPB Bil.3/2020 kali ke-235 bertarikh 19 Februari  
2020.